

Pernyataan Awam Berkenaan Penyelesaian Tunggakan Urusan Tanah

1. Kerajaan Negeri memandang serius tunggakan bagi 4 urusan iaitu pendaftaran urusanniaga dan bukan urusanniaga, pemberimilikan tanah, pendaftaran hakmilik strata dan penukaran hakmilik sementara (QT) kepada hakmilik kekal (FT).
2. Bagi menyahut seruan Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia yang meminta agar perkhidmatan awam Negara ini mempertingkatkan mutu sistem penyampaian perkhidmatan (service delivery system), Kerajaan Negeri komited dan berjanji akan mencuba dengan terbaik mungkin untuk menyelesaikan masalah tunggakan tersebut pada kadar segera.
3. Kerajaan Negeri juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan yang prihatin dengan masalah ini, dan telah menghantar Pasukan Petugas Khas dari Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan untuk membantu menyelesaikan masalah tunggakan urusan penukaran hakmilik sementara (QT) kepada hakmilik kekal (FT). Kenyataan ini dikeluarkan selaras dengan keputusan Mesyuarat Penyelesaian Tunggakan Urusan Tanah pada 22 Julai 2008 yang dipengerusikan oleh Y.Bhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara.
4. Bagi urusan pendaftaran urusanniaga dan bukan urusanniaga, penyelesaian pendaftaran perserahan yang diterima sehingga 31 Disember 2007 adalah 100% di mana kesemua 74,957 perserahan yang diterima telah didaftarkan. Bagi perserahan yang diterima pada tahun 2008 berjumlah 38,201 perserahan (sehingga 15.8.2008), sebanyak 32,928 perserahan telah didaftarkan, iaitu 86.20% penyelesaian. Baki 5,273 perserahan akan didaftarkan dalam tempoh 28 hari dari tarikh perserahan diterima.
5. Bagi urusan pemberimilikan tanah, sebanyak 7,651 permohonan telah diterima sehingga 31 Disember 2007 dan 7,521 daripadanya telah diselesaikan, iaitu 98.30% daripada jumlah terimaan. Baki 130 permohonan masih dalam tindakan dan akan cuba diselesaikan selewat-lewatnya pada akhir Oktober 2008. Walau bagaimanapun, hanya permohonan yang lengkap sahaja akan diangkat untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.
6. Bagi urusan pendaftaran hakmilik strata, sehingga 31 Disember 2007, sejumlah 61 skim (5,592 petak) permohonan telah diterima dan kesemua 61 skim tersebut

telah selesai didaftarkan, iaitu 100% penyelesaian. Bagi permohonan tahun 2008 pula, sehingga 15 Ogos 2008, 28 skim telah diterima dan 1 skim telah didaftarkan. Bagi baki 27 skim tersebut, hakmilik strata akan didaftarkan dalam masa 1 bulan dari tarikh penerimaan Borang 4 dari JUPEM.

7. Bagi urusan penukaran hakmilik sementara (QT) kepada hakmilik kekal (FT), sebanyak 107,171 hakmilik sementara (QT) bagi tahun 2006 dan sebelumnya telah ditukar kepada hakmilik tetap (FT), dan masih berbaki 43,460 hakmilik. Daripada jumlah 43,460 hakmilik tersebut, sebanyak 640 hakmilik adalah dalam tindakan Pejabat Tanah Daerah untuk proses permohonan ukur ke JUPEM bagi maksud pengeluaran hakmilik kekal. Sejumlah 29,902 hakmilik pula tidak dapat didaftarkan kerana masalah Jurukur Berlesen yang gagal membuat kerja-kerja pengukuran tanah bagi maksud pengeluaran hakmilik kekal. Daripada jumlah tunggakan pengukuran oleh Jurukur Berlesen tersebut, sebanyak 3,664 lot adalah di bawah tanggungan mahkamah. Kerajaan Negeri melalui pihak JUPEM telah memaklumkan perkara ini kepada Lembaga Jurukur untuk diambil tindakan. Sebanyak 10,157 hakmilik lagi telah dikemukakan PU kepada JUPEM untuk penyediaan pelan B1 bagi membolehkan tindakan mendaftar hakmilik kekal dibuat. Daripada jumlah ini, 7,624 lot tidak boleh diselesaikan kerana pemilik tidak membenarkan Jurukur Berlesen masuk ke tanah untuk menjalankan kerja-kerja ukur manakala 2,533 lot lagi sedang dalam proses pengeluaran Pelan B1. Sebanyak 718 pelan B1 yang lengkap telah diterima dari JUPEM pada akhir Julai 2008 dan akan selesai didaftarkan selewat-lewatnya 31 Ogos 2008.
8. Walau bagaimanapun, masih terdapat sebanyak 2043 hakmilik sementara yang gagal didaftarkan kerana masalah perbezaan keluasan di antara pelan B1 (untuk mendaftar hakmilik kekal) dan pelan QT (pelan hakmilik sementara). Bagi membantu mempercepatkan penyelesaian kepada masalah ini, Pihak Berkuasa Negeri telah mewakilkan kuasa kepada Pentadbir Tanah untuk meluluskan perbezaan keluasan tanah yang kurang daripada 20%. Perbezaan keluasan melebihi 20% perlu mendapat keputusan Pihak Berkuasa Negeri. Dalam hal ini, Kertas Kerja berkaitan diberi keutamaan untuk diangkat bagi pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri.
9. Ingin ditekankan sekali lagi, Kerajaan Negeri komited dan prihatin terhadap semua isu yang timbul ekoran daripada tunggakan 4 urusan tanah tersebut.

Kerajaan Negeri berusaha untuk memberi khidmat yang terbaik kepada rakyat Negeri Sembilan khususnya, dan semua pegawai dan kakitangan yang terlibat sedang dalam usaha untuk menyelesaikan segala tunggakan yang telah dinyatakan. Saya memohon kerjasama orang ramai yang merasakan permohonan yang dibuat sehingga 2007 masih belum mendapat keputusan, bolehlah berhubung dengan Pejabat Tanah Daerah masing-masing atau Pejabat Tanah dan Galian, Negeri Sembilan untuk semakan status permohonan tersebut.